

Headline	Kanger bakal muktamad perjanjian bekal lantai derringan pemaju Msia		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	24 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	112 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 876
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,627



Kanger bakal muktamad perjanjian bekal lantai dengan pemaju M'sia

SHENZHEN: Pembuat lantai buluh dari China, Kanger International Bhd memperoleh perniagaan di Malaysia selepas sembilan bulan disenaraikan di Pasaran ACE.

Syarikat itu semakin hampir memuktamadkan perjanjian dengan pemaju Malaysia untuk membekalkan lantai buluh bagi projek hartanah syarikat tersebut menjelang hujung tahun ini, kata Pegawai Eksekutif Kanger Amita Chong.

Kanger merancang untuk melancarkan pejabat jualan di Kuala Lumpur menjelang akhir 2015 bagi mengembangkan perniagaannya dan membolehkan syarikat berhubung terus dengan pemaju tempatan, katanya.

"Kira-kira lima hingga enam tahun lepas, pembuat lantai buluh China cuba menembusi pasaran Malaysia tetapi produk mereka tidak serasi dengan keadaan iklim negara yang

lembap.

"Kanger mengubah keadaan itu menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan menghasilkan produk yang sesuai untuk keadaan iklim tempatan," katanya kepada pemberita pada pelancaran pejabat korporat baharu Kanger di taman teknologi di sini.

Syarikat pembuat lantai itu sedang melaksanakan penyelidikan dan pembangunan secara usaha sama dengan FRIM sejak 2010.

Kanger disenaraikan di Pasaran ACE pada Disember 2013.

Antara pemegang kepentingan terbesarnya di Malaysia ialah Datuk Seri Syed Razlan Putra Jamalullail, yang merupakan adinda Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Kedua-dua mereka masing-masing memiliki 3.2 peratus saham. — Bernama